**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM**
**JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

**PERATURAN PEMARKAHAN**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**
**2020**

# TASAWWUR ISLAM
# KERTAS 1 dan 2

**Skima Soalan Kertas 1**

## BAHAGIAN A

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | C | 2. | A | 3. | B | 4. | A | 5. | D |
| 6. | C | 7. | A | 8. | D | 9. | B | 10. | D |
| 11. | B | 12. | C | 13. | D | 14. | A | 15. | B |
| 16. | A | 17. | C | 18. | D | 19. | B | 20. | C |

## BAHAGIAN B

21. Monopoli
22. Maksum
23. Takbur
24. Al-Ijarah
25. Sahifah/piagam Madinah
26. Khalifah
27. Diat
28. Wakaf
29. Harta boleh alih
30. Harta tidak boleh alih
31. Keadilan/Kebebasan/Persamaan (Adalah/Huriyyah/Musawah)
32. Kebebasan/Persamaan /Keadilan (Adalah/Huriyyah/Musawah)
33. Persamaan/Keadilan/Kebebasan (Adalah/Huriyyah/Musawah)
34. Al-Hadis / Al-Ijmak / Al-Qias
35. Al-Hadis / Al-Ijmak / Al-Qias
36. Al-Hadis / Al-Ijmak / Al-Qias
37. ✓
38. ✓
39. X
40. X

## Skema Soalan Kertas 2 Tasawwur Islam Percubaan SPM 2020

<table>
<tr><th colspan="3">SOALAN</th><th>SKEMA</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud Uluhiyyah ialah<br>Keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT yang Maha Esa yang layak disembah, dipatuhi dan ditaati segala perintahnya</td><td>(1 isi X 2 markah<br>= 2 markah)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua Konsep Uluhiyyah<br>1. Mengakui hanya Allah SWT yang layak disembah dan ditaati / segala perintahnya<br>2. Paksi utamanya / ialah kalimah syahadah<br>3. Orang yang tidak beriman dengan tauhid uluhiyyah / dianggap sesat</td><td>2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>Dua peranan rasul dalam membimbing manusia ke arah kebenaran.<br>1. Membimbing manusia / ke jalan yang diredai oleh Allah SWT<br>2. Menyeru manusia / supaya menyembah Allah SWT sahaja<br>3. Menyampaikan segala perintah Allah SWT kepada manusia / seperti mengajar manusia cara beribadat yang betul<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Dua sebab manusia mesti menyembah Allah SWT<br>1. Sebagai tanda kesyukuran / bahawa Allah SWT yang memberikan segala nikmat dan rezeki kepada manusia.<br>2. Membuktikan bahawa Allah SWT / adalah pencipta dan pentadbir alam ini.<br>3. Bagi menunaikan tanggungjawab / sebagai hamba Allah SWT<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua cara manusia menyembah Allah SWT:<br>1. Melaksanakan perintah Allah SWT<br>2. Menunaikan solat<br>3. Berbuat baik kepada makhluk Allah yang lain<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>2 isi X 1 markah<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td></td><td>Kesan buruk fahaman anti hadis.<br>Rubrik penskoran :
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>• Menjelaskan hujah<br>• Huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik</td><td>4m</td></tr>
</table>
<u>Cadangan jawapan</u><br>1. Akan menyebabkan hilangnya rasa hormat terhadap Rasulullah SAW / sebagai seorang utusan Allah SWT SAW / yang menjelaskan tentang hukum Islam / dengan itu menyebabkan umat Islam menolak hukum Islam.</td><td>1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | 2. Umat Islam tidak dapat memahami ajaran al-Quran / dengan terperinci / kerana terdapat hukum yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran / yang memerlukan hadis untuk memahaminya.<br>3. Penolakan hadis membawa kepada penolakan al-Quran.<br>(mana-mana jawapan yang munasabah diterima) | |
| 2 | (a) | | **Dua ciri wahyu ialah:**<br>1. Kalam Allah SWT yang bersifat mutlak dan tidak boleh dipertikaikan lagi kerana ianya datang daripada Allah SWT<br>2. Wahyu hanya disampaikan hanya kepada para Nabi dan Rasul sahaja<br>3. Wahyu diturunkan melalui perantaraan malaikat Jibril atau secara langsung<br>4. Hukum wahyu kekal hingga ke akhir zaman kerana tidak boleh dipinda oleh manusia dan jin.<br>5. Wahyu tidak diturunkan lagi selepas wafatnya Rasulullah SAW | 2 isi X 1 markah<br>= 2 markah |
| | (b) | (i) | **Maksud syumuliyyah ialah:**<br>Ajaran Islam adalah sempurna dan menyeluruh yang meliputi semua aspek kehidupan manusia di dunia dan di akhirat | 1 isi X 2 markah<br>= 2 markah |
| | | (ii) | **Dua bukti Islam bersifat syumuliyyah dalam bidang ekonomi.**<br>1. Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah / panduan berjual beli, gadaian, sewaan / untuk manusia memenuhi keperluan hidup seperti al-Rahn, al-Wadiah, al-Takaful dan sebagainya.<br>2. Kewajipan Zakat dalam Islam / adalah untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi umat Islam<br>3. Peraturan wakaf, sedekah, infak dan derma / adalah untuk membantu umat Islam yang memerlukan bantuan<br>4. Pengharaman riba, monopoli, manipulasi dan judi / adalah supaya umat Islam memperolehi harta yang diberkati | 2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah |
| | (c) | (i) | **Dua perkara yang termasuk dalam konsep thabat ialah:**<br>1. **Akidah -** keyakinan ini tidak boleh berubah walau apa pun yang berlaku<br>2. **Ibadat -** Dalam melakukan ibadat wajib, Islam tidak pernah memberi toleransi kepada umatnya. Kita tetap wajib menunaikan ibadat walau dalam apa jua keadaan Cuma caranya sahaja yang berbeza.<br>3. **Ketetapan Hukum Syarak**.- Hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT seperti hukum wajib, haram, sunat, makruh dan harus akan tetap kekal sehingga ke hari kiamat. | 2 isi X 1 markah<br>= 2 markah |
| | | (ii) | **Perkaitan antara murunah dan thabat dalam perkara berikut**<br>**i) Puasa –** Boleh berbuka puasa Ramadan jika mempunyai sebab yang syarie seperti musafir atau sakit( Murunah), tetapi mesti di qada / ganti pada masa yang lain. (Thabat)<br>**ii) Pergaulan -** Harus bergaul dengan sesiapa sahaja (Murunah), tetapi menjaga batasan pergaulan seperti batasan aurat dan sebaginya (thabat) | 2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah |
| | (d) | (i) | **Maksud liberalisme ialah.**<br>Satu fahaman / falsafah yang mengutamakan hak-hak peribadi serta kesamarataan terhadap peluang untuk semua. Fahaman ini mahukan kebebasan yang menyeluruh dalam kegiatan ekonomi, politik dan sosial. | 1 isi<br>1 huraian<br>= 2 markah |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>

**Kesan buruk fahaman liberealisme terhadap akhlak remaja**

Rubrik penskoran :

<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>• Menjelaskan hujah<br>• Huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik</td><td>4m</td></tr>
</table>

**<u>Cadangan jawapan</u>**

1. Memberi kebebasan kepada remaja untuk bertindak tanpa batas dan ikut nafsu
2. Menggalakkan manusia mencari harta kekayaan tanpa batasan atau melakukan kezaliman
3. Menafikan kekuasaan Allah SWT sebagai pencipta
4. Pengasingan agama dari kehidupan

(mana-mana jawapan munasabah diterima)

</td><td>1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>

**Dua ciri negara Islam ialah :**

1. Negara yang berlandaskan al-Quran dan al-Hadis
2. Negara yang melaksanakan amar makruf
3. Negara yang melaksanakan nahi mungkar
4. Negara yang mewujudkan keamanan dan kesejahteraan kepada rakyatnya dalam negara
5. Negara yang menjamin kebebasan hak asasi manusia

</td><td>2 isi<br>1 markah<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>

**Dua matlamat perundangan Islam dalam merealisasikan keadilan** :

1. Perundangan Islam mendorong manusia berpegang teguh kepada ajaran Islam / dengan meninggalkan semua larangan Allah SWT
2. Perundangan Islam sentiasa menegakkan keadilan dan kebenaran dalam semua perkara / tanpa mengira warna kulit dan kedudukan seseorang
3. Pelaksanaan perundangan Islam dapat menghindarkan masyarakat / daripada melakukan jenayah.

**(mana-mana jawapan munasabah diterima)**

</td><td>2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>

**Kesan kepada sistem kehakiman jika hakim cenderung kepada orang-orang yang melakukan kezaliman dalam perbicaraan:**

Rubrik penskoran :

<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>• Menjelaskan hujah<br>• Huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik</td><td>4m</td></tr>
</table>

</td><td>1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Cadangan jawapan**<br><br>1. Jenayah akan berleluasa / kerana tidak dapat dibendung<br>2. Masyarakat akan bertindak sendiri / kerana tidak puas hati<br>3. Berlaku penindasan / golongan kuat ke atas yang lemah.<br>4. Masyarakat sentiasa hidup dalam ketakutan / kerana merasa terancam<br>**(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)** | |
| | (c) | (i) | **Maksud tawakal ialah :**<br>Berserah kepada ketentuan Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu. | 1 isi<br>2 markah<br>= 2 markah |
| | | (ii) | **Dua kelebihan sifat tawakal kepada pembentukan akhlak remaja**<br>1. Menambahkan keimanan dan keyakinan / kepada Allah SWT.<br>2. Menjadikan seseorang rajin berusaha / dengan bersungguh-sungguh.<br>3. Sebagai motivasi / untuk memajukan diri.<br>4. Menjadikan Allah SWT / sebagai tempat memohon pertolongan.<br><br>**(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)** | 2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah |
| | (d) | | **Dua ciri sistem sosial Islam.**<br>1. Bersifat rabani / iaitu dicipta oleh Allah SWT<br>2. Perhubungan sesama manusia adalah berdasarkan atas dasar takwa / keimanan kepada Allah SWT.<br>3. Pergaulan sesama manusia adalah mengikut lunas-lunas Islam / agar hidup lebih harmoni<br>4. Sentiasa mengamalkan akhlak yang mulia / dalam pergaulan.<br>5. Sentiasa mengutamakan kepentingan umum / daripada kepentingan individu.<br>**(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)** | 2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah |
| 4 | (a) | (i) | **Dua cara menguruskan harta**<br>1. Menunaikan hak yang wajib terhadap harta / seperti zakat / menafkahkan harta kepada ibu bapa dan keluarga<br>2. Memanfaatkan harta untuk kepentingan orang ramai / seperti membina kemudahan awam<br>3. Melaksanakan tanggungjawab sosial / yang dapat mewujudkan perpaduan dalam kalangan manusia / seperti sedekah, derma dan wakaf<br>4. Membelanjakan harta untuk keperluan diri / seperti membeli makanan<br>5. Membelanjakan harta untuk beribadat kepada Allah SWT / seperti mengerjakan haji<br>**(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)** | 2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah |
| | | (ii) | **Dua bentuk ujian Allah ke atas pemilik harta:**<br>1. Allah menguji mereka / dengan ditimpa bencana / seperti bencana alam , kebakaran dan lain-lain yang memusnahkan harta mereka<br>2. Harta yang dimiliki menjadikan mereka sombong / angkuh / dengan masyarakat<br>3. Mereka membelanjakan harta secara batil / kepada perkara yang tidak diredhai / seperti berjudi dan sebagainya<br>4. Allah SWT memudahkan lagi jalan untuk mendapatkan harta / dengan senang dan banyak<br>5. Kesibukan mencari harta hingga mereka lupa kepada tanggungjawab terhadap Allah SWT / seperti solat, zakat dan sebagainya.<br>**(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)** | 2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah |
| | (b) | | **Dua kebaikan pekerjaan yang halal.**<br>1. Akan mendapat keredaan / keberkatan / daripada Allah SWT<br>2. Mendapat ketenangan / dalam hidup<br>3. Mendapat kesejahteraan / keselamatan diri dan keluarga<br>4. Terjamin kejayaan / yang berkekalan.<br>5. Mendapat rezeki yang halal<br>**(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)** | 2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah |

<table>
<tr>
<td></td><td>(c)</td><td></td>
<td>Kepentingan hak milik harta kepada manusia:<br><br>Rubrik penskoran :
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>• Menjelaskan hujah<br>• Huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik</td><td>4m</td></tr>
</table>
<u>Cadangan jawapan</u><br><br>
1. Supaya mendorong manusia berusaha dengan bersungguh- sungguh / untuk mendapatkan harta<br>
2. Untuk mengetahui kemampuan dan penguasaan seseorang / terhadap harta yang dicarinya<br>
3. Manusia dapat menguruskan harta yang di miliki mengikut kehendak mereka sendiri / tanpa perlu meminta izin daripada sesiapa.<br><br>
(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td>
<td>1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah</td>
</tr>
<tr>
<td></td><td>(d)</td><td>(i)</td>
<td>Jenis muamalah yang sesuai dengan rakan saya<br>
1. Mudharabah.<br>
2. Musyarakah.<br>
3. Ar-rahn<br>
4. Al-ijarah<br>
(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td>
<td>1 isi X 1 markah = 1 markah</td>
</tr>
<tr>
<td></td><td></td><td>(ii)</td>
<td>Tiga sebab muamalah tersebut sesuai dengan keadaan rakan anda<br><br>
1. Dapat mengelakkan daripada riba,.<br>
2. Dapat menambahkan modal perniagaan dengan cepat<br>
3. Tidak membebankan mana-mana pihak<br>
4. Bertepatan dengan Islam<br>
(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td>
<td>3 isi X 1 markah = 3 markah</td>
</tr>
<tr>
<td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td>
<td>Dua matlamat perundangan Islam<br>
1. Memelihara Agama<br>
2. Memelihara Nyawa<br>
3. Memelihara Akal<br>
4. Memelihara Harta Benda<br>
5. Memelihara Keturunan<br>
6. Memelihara Maruah<br>
7. Memelihara Keharmonian Negara</td>
<td>2 isi X 1 markah = 2 markah</td>
</tr>
<tr>
<td></td><td></td><td>(ii)</td>
<td>Dua keperluan perundangan Islam kepada keharmonian hidup bermasyarakat.<br><br>
1. Masyarakat bebas melakukan aktiviti seharian / kerana jenayah berkurangan dalam negara<br>
2. Harta benda dan jiwa masyarakat terpelihara / kerana penjenayah takut melakukan perbuatan jenayah<br>
(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td>
<td>2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>Dua matlamat fatwa dalam perundangan Islam.<br>1. Untuk menyelesaikan masalah semasa / yang tidak terdapat hukum secara nyata dalam al-quran dan al-hadis / seperti hukum menderma darah dan sebagainya<br>2. Untuk mengelakkan masyarakat berpegang kepada hukum yang dikeluarkan oleh individu / agar tidak timbul sebarang keraguan<br>3. Untuk menghilangkan keraguan masyarakat / terhadap sesuatu hukum / supaya tidak menjatuhkan imej Islam<br>4. Untuk memberi keyakinan kepada umat Islam / untuk berpegang teguh kepada hukum agama / kerana ianya dikeluarkan oleh orang yang berkelayakan<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Maksud Ibadat ialah<br>ibadat bermaksud kepatuhan kepada Allah SWT melalui perbuatan dan perkataan yang berlandaskan syariat Allah SWT serta mengakui dan meyakini bahawa Allah SWT sahajalah yang layak menjadi tumpuan segala ketaatan.</td><td>1 isi X 2 markah<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Perkaitan antara ibadat dengan perundangan<br><br>Rubrik penskoran :
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>• Menjelaskan hujah<br>• Huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br><u>Cadangan jawapan</u><br><br>1. Kepatuhan kepada undang-undang menunjukkan pengabdian seseorang kepada Allah SWT.<br>2. Mendisiplinkan diri ke arah yang lebih baik dan cemerlang kerana akal dan jiwa manusia tidak mengcukupi untuk mengawal akhlak dan tingkah laku mereka.<br>3. Sebagai panduan kepada manusia untuk memilih antara kebaikan dengan keburukan kerana semua perkara yang dikira sebagai ibadat adalah perkara yang boleh membawa kebaikan manakala perkara yang dilarang pula akan membawa keburukan kepada manusia.<br>4. Dorongan kepada manusia melakukan ibadat. Contohnya hukum wajib akan disertai dengan ganjaran pahala manakala hukum haram pula akan disertai dengan balasan dosa, oleh itu penetapan hukum tersebut akan mendorong manusia melakukan ibadat kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.<br>5. Perundangan hukum wajib, haram, makruh, sunat dan sebagainya memudahkan manusia pelaksanaan ibadat kepada Allah SWT, kerana semua hukum wajib itu mesti dilaksanakan manakala semua hukum haram pula wajib ditinggalkan.<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima )</td><td>1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(d)</td><td></td><td>Dua konsep pembalasan yang digariskan oleh undang-undang jenayah Islam terhadap penjenayah<br>1. Konsep pembalasan dalam perundangan Islam adalah / merangkumi dunia dan akhirat.<br>2. Pembalasan dalam Islam adalah setimpal / dengan jenayah yang telah dilakukan<br>3. Setiap pekerjaan yang dilakukan oleh manusia akan / diberi pembalasan oleh Allah SWT samada di dunia ataupun di akhirat<br>4. Jika seseorang itu terlepas daripada menerima pembalasan semasa di dunia / dia akan mendapat pembalasan semasa di akhirat<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td>6</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Pengertian penyelesaian masalah menurut Islam<br>Penyelesaian masalah menurut Islam bermaksud menyelesaikan masalah umat manusia dilakukan berasaskan syariat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT dengan mengambil kira semua aspek kehidupan manusia yang meliputi ekonomi, politik, sosial, perundangan dan sebagainya</td><td>1 isi X 2 markah<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Empat langkah yang disarankan dalam Islam bagi menyelesaikan sesuatu masalah.<br>1. Mengenalpasti masalah<br>2. Mengenal pasti punca masalah<br>3. Melakukan strategi yang betul untuk menyelesaikan masalah<br>4. Menguji semula strategi yang telah dilakukan<br>5. Membuat penilaian semula<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>4 isi X 1 markah<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>Dua cara Islam menjamin kesaksamaan sosial dalam kalangan rakyat.<br>1. Kewajipan mengeluarkan zakat, derma dan sedekah / dapat membantu golongan miskin<br>2. Mewujudkan badan kebajikan / seperti rumah anak yatim atau orang tua / akan dapat meringankan beban yang ditanggung<br>3. Mewajibkan menjaga hak-hak jiran /dengan sentiasa bantu membantu dan tolong menolong dalam masyarakat<br>4. Sentiasa menghormati agama dan budaya kaum lain / dalam masyarakat majmuk dapat mewujudkan keamanan.<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Kepentingan semangat juang dalamkehidupan seseorang muslim<br>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>• Menyatakan satu hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>• Menjelaskan hujah<br>• Huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan</td><td>3m</td></tr><tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik</td><td>4m</td></tr></table><br><u>Cadangan jawapan</u><br>1. Sentiasa tetap memperbaiki kelemahan diri<br>2. Bermotivasi dan tidak mudah berputus asa<br>3. Berdisiplin yang tinggi<br>4. Yakin pada diri sendiri<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(d)</td><td></td><td>Tiga tindakan yang sepatutnya diambil bagi mencapai kecemerlangan dalam pendidikan<br>1. Sentiasa belajar dengan bersungguh-sungguh / pada setiap masa<br>2. Sentiasa mengulangkaji pelajaran / yang telah dipelajari<br>3. Setiasa berdisiplin / ketika belajar<br>4. Sentiasa menghormati guru / sepanjang masa<br>5. Menyematkan budaya mencintai ilmu / dalam kehidupan<br>6. Berakhlak dengan akhlak yang mulia / sepanjang masa.<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>3 isi<br>3 huraian<br>= 6 markah</td></tr>
<tr><td>7</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua langkah untuk menggalakkan masyarakat bermuamalah secara Islam<br>1. Memberi penerangan tentang / kebaikan muamalah Islam<br>2. Menunjuk cara secara jelas / melaksanakan muamalah secara Islam<br>3. Menyebarkan risalah /tentang muamalah secara Islam.<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>2 isi<br>2 huraian<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Tiga kesan terhadap masyarakat yang mengabaikan sistem muamalah Islam<br>1. Perbalahan dan perpecahan keluarga akan berlaku / yang menyebabkan terlerainya kasih sayang<br>2. Keharmonian, perpaduan dan kesejahteraan masyarakat dan negara akan tergugat / yang menyebabkan masyarakat berpecah belah<br>3. Gejala sosial seperti jenayah akan berleluasa dalam masyarakat / menyebabkan masyarakat hidup dalam ketakutan<br>4. Penyelewengan tanggungjawab dan amanah akan berleluasa / seperti rasuah, pecah amanah dan sebagainya<br>5. Berlakunya pergaduhan dan permusuhan dalam masyarakat.<br>6. Melahirkan masyarakat yang tamak haloba / yang sanggup menindas orang lain.<br>7. Luputnya semangat bekerjasama dan saling bantu-membantu / dalam masyarakat<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>3 isi<br>3 huraian<br>= 6 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>Matlamat perundangan Islam untuk menjaga harta manusia daripada dicerobohi.<br><br>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>• Menyatakan satu hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>• Menjelaskan hujah<br>• Huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan</td><td>3m</td></tr><tr><td>• Menghuraikan hujah<br>• Huraian yang lengkap<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik</td><td>4m</td></tr></table><br><u>Cadangan jawapan</u><br><br>1. Islam mensyariatkan hukum hudud / iaitu potong tangan kepada orang yang mencuri / dengan itu manusia lain tidak lagi berani untuk mencuri / kesannya harta benda manusia akan terjaga<br>2. Islam menyuruh umatnya supaya mencari harta / dengan cara yang halal / seperti melakukan perniagaan yang halal / kesannya harta yang diperolehi akan diberkati oleh Allah SWT dan terjaga kesuciannya<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</td><td>1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | | **Tiga cara meningkatkan kualiti dalam beribadat**<br>1. Sentiasa mengingati Allah SWT. dalam melakukan sebarang pekerjaan dengan mengambil kira segala peraturan dan batasan yang telah ditetapkan agama. Contohnya sentiasa menjaga batasan halal dan haram dalam memperoleh harta.<br>2. Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang sesuatu ibadat supaya ibadat yang dilakukan akan mencapai kesempurnaan dan menepati tujuan ibadat tersebut. Contohnya dalam melakukan solat umat Islam mestilah sentiasa mendalami ilmu solat dan tidak memadai dengan ilmu pengetahuan yang sedia ada.<br>3. Mendampingi orang-orang yang berilmu dan soleh dengan sentiasa mengikut segala amalan kebaikan mereka serta mendalami sesuatu ilmu yang dipelajari daripada mereka.<br>4. Ibadat yang dilakukan mestilah dengan tenang dan sabar dalam menghadapi segala kesusahan dan cabaran. Contohnya tabah dan berhati-hati dalam menuntut ilmu agar ilmu yang dipelajari dapat dimiliki dengan sempurna dan menyeluruh.<br>5. Melakukan ibadat secara berterusan dan tidak mengikut trend masyarakat pada sesuatu masa. Contohnya memakai pakaian yang menutup aurat mestilah dilakukan secara berterusan walau di mana jua kita berada.<br>6. Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang sesuatu ibadat untuk mencapai kesempurnaan<br>**(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)** | 3 isi<br>3 huraian<br>= 6 markah |

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**